



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN INTERVENSI KAUNSELING KELOMPOK BERDASARKAN
PENDEKATAN ADLER KE ATAS KECERDASAN EMOSI PELAJAR
INSTITUT PENDIDIKAN GURU

NARITA BINTI MOHD NOOR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (BIMBINGAN DAN KAUNSELING)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengukur kesan kecerdasan emosi (EQ) dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) berdasarkan kaunseling kelompok menggunakan pendekatan Adler. Kedua, kajian ini juga bertujuan membina Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA) yang telah melalui proses pengesahan pakar. Ketiga, kajian ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengukur kesan modul intervensi MPEQPA terhadap kecerdasan emosi pelajar IPG. Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kuasi eksperimen. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar IPG yang berada pada tahap kecerdasan emosi yang sederhana tinggi. Subjek dibahagikan kepada dua kelompok iaitu 30 orang pelajar bagi kelompok rawatan dan 30 orang pelajar bagi kelompok kawalan. Data dikumpulkan menggunakan Instrumen Kecerdasan Emosi Malaysia – Remaja (IKEM-R) dan modul intervensi MPEQPA. Analisis data adalah menggunakan analisis inferen melibatkan ujian-t berpasangan, analisis varian (ANOVA) iaitu ANOVA satu hala dan ANOVA dua hala yang menerangkan perbezaan antara pemboleh ubah kajian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan kecerdasan emosi terhadap kelompok rawatan dan kelompok kawalan. Walau bagaimanapun kelompok rawatan menunjukkan peningkatan kecerdasan emosi yang lebih tinggi secara signifikan berbanding kelompok kawalan, tetapi tiada perbezaan kecerdasan emosi yang signifikan bagi kelompok rawatan dan kelompok kawalan jika berdasarkan pemboleh ubah jantina. Modul intervensi MPEQPA yang dibina telah mendapat kesahan kandungan daripada enam orang panel pakar penilai. Data kajian yang diperoleh mendapati nilai kesahan kandungan modul adalah sebanyak 82.3%. Seterusnya nilai kesahan kandungan kesesuaian sesi dan aktiviti telah memperoleh nilai sebanyak 84.4 %. Justeru, modul ini diterima dan sangat sesuai untuk diaplikasikan dalam intervensi kecerdasan emosi. Kesimpulannya, modul intervensi MPEQPA yang dibina dapat membantu meningkatkan tahap kecerdasan emosi pelajar IPG dalam merealisasikan visi IPG iaitu IPG Peneraju Kecemerlangan Pendidikan Guru. Implikasi kajian ini jelas menunjukkan penggunaan modul intervensi MPEQPA dapat meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar IPG.





THE EFFECTS OF GROUP COUNSELING INTERVENTIONS BASED ON ADLER'S APPROACH FOR EMOTIONAL QUOTIENT AMONG THE STUDENTS OF THE TEACHER EDUCATION INSTITUTE

ABSTRACT

The main purpose of this study was to measure the effect of emotional quotient (EQ) among the students of the Teacher Education Institute (IPG) based on group counseling using the Adler approach. Secondly, this study is also aimed at building *Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler* (MPEQPA) that has passed the expert verification process. Thirdly, this study was conducted to measure the effect of the MPEQPA intervention module on the emotional quotient of IPG students. This study was conducted using a quantitative approach with quasi-experimental design. The sample of the study consists of 60 IPG students who are at moderate level of emotional quotient. The subjects were divided into two groups which is 30 students for the treatment group and 30 students for the control group. The data were collected using the Malaysian Emotional Quotient Instrument-Youth (MEQI-Y) and the MPEQPA intervention module. Data analysis is using inferential analysis involving paired t-tests, analysis of variance (ANOVA) that is one-way ANOVA and two-way ANOVA which explains the differences between the study variables. The findings showed that there was an increase in emotional quotient on treatment groups and control groups. However, the treatment group showed significantly higher emotional quotient than the control group, but there was no significant difference in emotional quotient for treatment groups and control groups based on gender variables. The built-in MPEQPA intervention module has gained the validity of the content from six panels of appraisal experts. The research data found that the module validity value is 82.3%. Furthermore, the value of the validity of the content of session and activity compatibility has achieved a value of 84.4%. Therefore, this module is acceptable and very appropriate to be applied in the intervention of emotional quotient. In conclusion, the built-in MPEQPA intervention module can help increase the level of emotional quotient of IPG students in realizing IPG's vision which is IPG Leaders of Teacher Education Excellence. The implication of this study shows that the use of the MPEQPA intervention module can increase the level of emotional quotient among IPG students.



KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	18
1.5 Persoalan Kajian	19
1.6 Hipotesis Kajian	20
1.7 Kerangka Teori Kajian	21
1.7.1 Model Pendekatan Adlerian	23
1.7.2 Model Kecerdasan Emosi	29
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	34
1.8.1 Intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler (MPEQPA)	37

1.9	Kepentingan Kajian	41
1.9.1	Guru Bimbingan di Sekolah dan Kaunselor Pelajar IPT	41
1.9.2	Kementerian Pendidikan Malaysia	42
1.9.3	Kepentingan Kepada Perkembangan Ilmu	43
1.10	Batasan Kajian	44
1.11	Definisi Konsep dan Operasional	45
1.11.1	Kesan Intervensi	45
1.11.2	Kaunseling Kelompok	46
1.11.3	Kelompok Rawatan	47
1.11.4	Kelompok Kawalan	48
1.11.5	Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler	48
1.11.6	Kecerdasan Emosi	49
1.11.7	Pelajar IPGKKB	51
1.11.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	51
1.12	Rumusan	52

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	54
2.2	Konsep Intervensi Kelompok	55
2.2.1	Rasional dan Keperluan Kelompok	56
2.2.2	Kelompok dan Pelajar	60
2.3	Kajian-kajian Berkaitan	62
2.3.1	Kajian Pendekatan Adlerian	63
2.3.1.1	Kajian Luar Negara	63
2.3.1.2	Kajian Dalam Negara	64

2.3.2 Kajian Kecerdasan Emosi	65
2.3.2.1 Kajian Luar Negara	66
2.3.2.2 Kajian Dalam Negara	68
2.3.3 Kajian-kajian Eksperimen Dalam Model-model Kaunseling Kelompok	76
2.4 Rumusan	80

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	82
3.2 Reka Bentuk Kajian	83
3.3 Lokasi Kajian	87
3.4 Populasi dan Sampel Kajian	89
3.4.1 Prosedur Pemilihan Sampel Kajian	90
3.5 Pemilihan dan Latihan Fasilitator	94
3.6 Kaedah Pengumpulan Data	95
3.7 Kajian Rintis	97
3.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	98
3.8.1 Kebolehpercayaan Instrumen Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia- Remaja (IKEM-R)	98
3.8.2 Kesahan dan Kebolehpercayaan Modul Intervensi MPEQPA	101
3.8.2.1 Hasil Dapatan Nilai Pekali Kesahan Kandungan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA) oleh Panel Pakar Berdasarkan Russel (1974)	104

3.8.2.2 Hasil Dapatan Nilai Pekali Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)	107
3.9 Prosedur Pelaksanaan MPEQPA	111
3.10 Ancaman Terhadap Kesahan Kajian Ekeperimen	117
3.11 Alat Kajian	120
3.11.1 Instrumen Kajian	120
3.11.2 Data Normaliti	128
3.11.3 Tahap Skor Min	130
3.12 Jadual Penentuan Statistik	131
3.13 Analisis Data	132

4.1 Pendahuluan	133
4.2 Profil Pelajar	136
4.3 Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar IPG	137
4.3.1 Kecerdasan Emosi Pelajar IPG Sebelum Menerima Intervensi MPEQPA	138
4.3.2 Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar IPG Selepas Menerima Intervensi MPEQPA	139
4.3.3 Tahap Kecerdasan Emosi Pelajar IPG Mengikut Elemen-elemen Kecerdasan Emosi	142
4.4 Pengujian Hipotesis	144
4.4.1 Perbezaan Kecerdasan Emosi Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Dalam Kalangan Pelajar IPG	145

4.4.2	Perbezaan Kecerdasan Emosi Berdasarkan Jantina Antara Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Dalam Kalangan Pelajar IPG	150
4.4.3	Perbezaan kesan intervensi yang signifikan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujiandan pasca ujian bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG	158
4.4.4	Perbezaan kesan intervensi yang signifikan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujiandan pasca ujian bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG	168
4.4.5	Ringkasan Dapatan Kajian	177
4.5	Rumusan	180

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	181
5.2	Perbincangan Kajian	182
5.3	Perbincangan Intervensi	190
5.3.1	Kesan Intervensi Kelompok Terhadap Kecerdasan Emosi	190
5.3.2	Kesan Intervensi antara Faktor Jantina dan Intervensi Kelompok	193
5.3.3	Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler	194
5.3.4	Kepentingan Kemahiran Mengendalikan Intervensi MPEQPA	198
5.3.5	Pembinaan Modul	202
5.3.5.1	Kesahan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)	204

5.3.5.2 Masalah Dalam Menjalankan Kajian	205
5.3.6 Penggunaan Instrumen Kecerdasan Emosi Malaysia (IKEM-R) bagi Pungutan Data Pra Ujian dan Pasca Ujian	206
5.4 Implikasi Kajian	209
5.4.1 Implikasi Terhadap Pelajar	209
5.4.2 Implikasi Terhadap Pihak IPG atau Institusi Pendidikan	211
5.4.3 Implikasi Terhadap Guru Kaunseling	212
5.4.4 Implikasi Terhadap Kementerian Pendidikan (KPM)	213
5.4.5 Implikasi Terhadap Pengkaji	214
5.4.6 Implikasi Amalan	216
5.4.7 Implikasi Teori	218
5.4.8 Sumbangan Kajian Kepada Ilmu	219
5.5. Cadangan Kajian Lanjutan	219
5.6 Rumusan	220
RUJUKAN	222
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka surat
3.1	Model Reka Bentuk Kajian (Campbell & Stanley 1966, Salkind 2000)	87
3.2	Reka Bentuk Faktorial 2 x 2	87
3.3	Pembahagian Sampel Kajian Mengikut Kumpulan Jantina	91
3.4	Jangka Masa Kajian	96
3.5	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> IKEM-R	101
3.6	Profil Panel Pakar Penilai	103
3.7	Nilai Kesahan Pakar Kandungan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)	105
3.8	Nilai Peratusan Kesahan dan Pandangan Pakar Terhadap Kesahan Kandungan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)	106
3.9	Pekali Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)	108
3.10	Penambahbaikan Kesahan Kandungan Modul	109
3.11	Penambahbaikan Kesahan Kesesuaian Sesi dan Aktiviti yang dijalankan Dalam Modul	110
3.12	Aktiviti-aktiviti Dalam Sesi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler	116

3.13	Ujian Normaliti Data	129
3.14	Interpretasi Skor	130
3.15	Jadual Penentuan Statistik	131
4.1	Profil pelajar berdasarkan latar belakang peribadi (N=30)	136
4.2	Interpretasi skor min mengikut tahap	137
4.3	Tahap EQ Pelajar IPG sebelum menerima intervensi MPEQPA	138
4.4	Tahap EQ Pelajar IPG selepas menerima intervensi MPEQPA	139
4.5	Tahap EQ skor min dan sisihan piawai (SP) pra ujian dan pasca ujian kelompok rawatan intervensi MPEQPA	140
4.6	Tahap EQ pelajar IPG sebelum menerima intervensi MPEQPA mengikut elemen EQ	142
4.7	Tahap EQ pelajar IPG selepas menerima intervensi MPEQPA mengikut elemen EQ	142
4.8	Ringkasan Analisis Paired t-test kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG	146
4.9	Ringkasan analisis pemboleh ubah tak bersandar kecerdasan emosi berdasarkan jantina antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG	151
4.10	Ringkasan analisis ANOVA dua hala kecerdasan emosi berdasarkan jantina antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG	153
4.11	Ujian Homogeneity variance kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG	155



- 4.12 Ringkasan Analisis ANOVA dua hala kecerdasan emosi kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG 156
- 4.13 Ringkasan analisis ANOVA satu hala status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG 159
- 4.14 Ujian Homogeneity variance status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG 162
- 4.15 Ringkasan analisis ANOVA status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG 163
- 4.16 Keputusan perbandingan pra ujian dan pasca ujian status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG 165
- 4.17 Ringkasan analisis ANOVA satu hala status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG 169
- 4.18 Ujian Homogeneity variance status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG 172
- 4.19 Ringkasan analisis ANOVA status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG 173





- | | | |
|------|--|-----|
| 4.20 | Keputusan perbandingan pra ujian dan pasca ujian status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara pra ujian dan pasca ujian bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG | 175 |
| 4.21 | Ringkasan persoalan kajian dan dapatan | 178 |



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka surat
1.1	Kerangka Teori Kajian	21
1.2	Kerangka Konsep	36
3.1	Carta Aliran Persampelan Subjek Eksperimen, Tatacara Rawatan dan Pengumpulan Data Subjek Kajian	93
3.2	Formula analisis kesahan antara pakar-pakar Sumber: Russel (1974)	104



SENARAI SINGKATAN

EQ	<i>Emotional Quotion</i>
KE	Kecerdasan Emosi
et al.,	dan lain-lain
HEP	Hal Ehwal Pelajar
IKEM-R	Inventori Kecerdasan Emosi Malaysia - Remaja
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGKKB	Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu
KK	Kelompok Kawalan
EQ	Kelompok rawatan
MPEQPA	Modul Kecerdasan EQ Pendekatan Adler
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
MQA	Malaysian Qualifications Agency
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
PROSPEN	Pogram Sokongan Pensarjanaan Pensyarah





SENARAI LAMPIRAN

- A Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)
- B Soal Selidik Kesahan Kandungan Modul
- C Soal Selidik Kesesuaian Sesi Dan Aktiviti Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA)
- D Surat Lantikan Pakar Penilai
- E Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Dari Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)
- F Surat Supaya Tidak Memasukkan Soal Selidik Dalam Tesis
- G Borang Pengakuan Menyemak Bahasa Soal Selidik
- H Statistik Kebolehpercayaan Instrumen IKEM-R
- I Jadual Frekuensi
- J Jadual ANOVA





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji mengenai Kesan Intervensi Kaunseling Kelompok Berdasarkan Pendekatan Adler ke atas Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru sebagai salah satu strategi untuk meningkatkan kecerdasan emosi (EQ) dari segi kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan. Oleh itu, bab ini membincangkan secara terperinci mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, kerangka konseptual kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi konsep, tempat kajian, dan rumusan ringkas.





1.2 Latar belakang Kajian

Di Malaysia terdapat 27 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) yang dahulunya dikenali sebagai Maktab Perguruan. IPG berada di bawah pentadbiran induk yang dikenali sebagai Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang merupakan induk dalam pengurusan IPG. Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) merupakan satu program latihan perguruan praperkhidmatan untuk melatih guru sekolah rendah yang berijazah di bawah sistem pendidikan kebangsaan. Program ini dilaksanakan di semua Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara selaras dengan kelulusan kabinet, di mana kabinet telah bersetuju untuk menaik taraf maktab perguruan kepada Institut Pendidikan Guru dan telah menganugerahkan ijazah kepada pelajar-pelajar IPG pada 31 Julai 2005.



Kurikulum PISMP bersifat holistik, mengintegrasikan ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai. Kurikulum Pendidikan Guru yang digubal turut mengutamakan kemahiran insaniah dan pelbagai kemahiran lain. Perspektif global berkaitan dengan pendidikan diambil kira seperti ‘Education For All’ (EFA), ‘Education for International Understanding’ (EIU), ‘Education for Sustainable Development’ (ESD) dan juga empat tonggak pendidikan UNESCO (Pillars of Education). Pelajar IPG yang dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan kepujian diharapkan dapat memenuhi tonggak pembangunan dan kemajuan negara pada masa kini iaitu untuk merealisasikan Gagasan 1Malaysia ‘Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan’, Pelan Transformasi Kerajaan, Model Ekonomi Baru dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.





Bakal guru atau pelajar IPG merupakan aset berharga yang menjadi nadi dan tonggak kekuatan sistem pendidikan negara. Justeru itu pelbagai harapan yang disandarkan kepada pelajar IPG untuk memberi pendidikan berkualiti dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti bagi merealisasikan wawasan ke arah mencapai sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang dalam pendidikan mengikut acuan Malaysia. (Standard Guru Malaysia, 2000). Falsafah Pendidikan Guru (FPG) merupakan pegangan pelajar IPG yang akan melahirkan dan melestarikan pendidik guru yang berkualiti. FPG adalah penerus kepada pelajar IPG bagi merealisasikan mereka sebagai guru yang berkualiti dan kekal berkualiti dalam sistem pendidikan negara sepanjang tempoh perkhidmatan nanti. FPG yang diterapkan iaitu:

“Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik,

bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan

kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan

memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik,

progresif dan berdisiplin.”

(Standard Guru Malaysia,2000)

Pelajar IPG seharusnya melengkapkan diri sebagai insan guru di samping mampu menyempurnakan program latihan perguruan yang profesional (White & Burke, 2001). Pelajar IPG juga harus memperoleh kemahiran pengajaran yang secukupnya, memiliki ilmu pengetahuan bidang pengkhususan yang universal, bermotivasi tinggi, berkaliber, kompeten, berinovatif, berkarisma dan berupaya menjadi agen reformasi pendidikan yang mantap. Guru merupakan komponen teras bagi merealisasikan kejayaan pelaksanaan kurikulum tersurat dan tersirat yang





terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Marzuki & Don, 2007; Abdul Ghafar & Ariffin, 2008).

Kurikulum sekolah rendah telah digubal bagi memenuhi keperluan mengoptimumkan perkembangan kognitif kanak-kanak, keperluan meningkatkan ilmu pedagogi, pengalaman berasaskan sekolah rendah serta memupuk nilai-nilai dan amalan profesional dalam kalangan guru (Ahmad 2008). Keperluan-keperluan tersebut telah diterjemahkan dalam kandungan kurikulum latihan perguruan yang mencerakinkan tanggungjawab seorang guru di mana mereka perlu mencipta bentuk pengajaran yang berkesan, mewujudkan suasana bilik darjah yang kondusif, mewujudkan suasana keseronokan untuk menimba ilmu serta memupuk ciri-ciri guru profesional yang disanjung tinggi masyarakat (Bahagian Pendidikan Guru, 2000; Ahmad 2008).



Bahagian kurikulum IPG, KPM juga telah memasukkan komponen EQ ke dalam kurikulum teras pendidikan bagi kursus persediaan pelajar yang bakal menjadi pendidik di peringkat ijazah mulai Julai tahun 2004 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004). Komponen EQ ini hanya dimasukkan ke dalam psikologi pendidikan bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah sahaja. Sehubungan itu untuk mencapai matlamat kerajaan yang ingin menjadikan pendidikan di Malaysia ini bertaraf antarabangsa, maka kajian bagi meningkatkan EQ amatlah penting dilaksanakan di IPG yang merupakan pusat latihan guru supaya kualiti perkhidmatan guru di negara ini dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa (Wan Ashibah, 2003)





Bagi mencapai matlamat pendidikan, sangat mustahak institusi-institusi pendidikan menghasilkan sumber manusia dan pelajar IPG yang berpengetahuan, berketerampilan, berkeupayaan untuk berfikir dan menyelesaikan masalah serta memiliki kecerdasan emosi yang baik untuk membuat keputusan. Menurut Hamzah (2006) Kecerdasan emosi dijadikan sebagai asas pemerolehan ilmu pengetahuan. Kecerdasan emosi juga dapat dijadikan sebagai wahana bagi individu bakal guru untuk mewujudkan pendidikan yang berkualiti.

Emosi ialah satu perasaan dan pemikiran yang tersendiri, keadaan psikologis dan biologis serta rangkaian kecenderungan untuk mendorong seseorang melakukan tindakan (Goleman, 1998). Setiap tindakan adalah penting dipelajari oleh pelajar IPG kerana apabila menjadi guru nanti akan mencerminkan personaliti yang dikatakan sebagai contoh ikutan atau *role model* kepada pelajarnya. Keberhasilan seseorang guru melahirkan generasi berilmu bukan sekadar diukur daripada pencapaian intelek, tetapi juga tahap kecerdasan emosi generasi tersebut. Bagi membangun dan melahirkan generasi yang memiliki kecerdasan emosi yang baik, bakal guru dan guru sendiri terlebih dahulu mesti memiliki kecerdasan emosi yang tinggi. (Skovholt dan Rozario 2005). Menurut Goleman (1999) beliau menyatakan bahawa pembinaan kompetensi kecerdasan emosi dan kemampuan kognitif individu relatif adalah sama dan tidak berubah. Namun berbeza pula dengan kecerdasan emosi kerana kecerdasan emosi boleh dipelajari dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa sepanjang hayat individu.

Pelajar IPG perlu mempunyai kemampuan untuk memenuhi matlamat melahirkan guru berkualiti melalui tiga standard indikator dalam latihan guru iaitu





amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Parson dan Stephenson (2005) mendapati akhir-akhir ini bakal guru turut menghadapi masalah dalam latihan perguruan sehingga menimbulkan gejala-gejala yang tidak sepatutnya dilakukan oleh seorang bakal guru seperti masalah disiplin, tidak berupaya menerima pelajaran, ponteng, pencapaian rendah, tidak mahu melibatkan diri dalam kurikulum dan juga kokurikulum dan memiliki motivasi rendah. Mengikut dapatan kajian Unit Psikologi dan Kaunseling IPGKKB (2013), walaupun jumlah populasi pelajar IPG bermasalah ini kecil, namun ianya memberikan impak yang negatif kepada profesion perguruan. Oleh itu permasalahan ini perlu ditangani dengan segera dan efisien supaya gejala ini tidak berterusan dan terbawa-bawa sehingga boleh menjejaskan kredibiliti individu guru dan profesion keguruan.



Berikutan fenomena ini, konflik dan permasalahan ini mungkin disebabkan oleh tahap kecerdasan emosi dalam diri individu itu berada pada tahap yang rendah yang menyebabkan mereka tidak peka terhadap persekitaran dan perasaan orang yang ada disekitarnya, perasaan diri sendiri dan tidak tahu mengawal diri apabila berlaku sesuatu kejadian yang tidak diingini. Bahagian Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pelajaran Malaysia sememangnya telah memasukkan komponen kecerdasan emosi (kemahiran generik; kompetensi kecerdasan emosi) ke dalam kurikulum teras pendidikan bagi kursus persediaan calon guru di peringkat ijazah yang berkuatkuasa mulai Julai 2004. Manakala bagi Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) komponen kecerdasan emosi hanya disisipkan dalam komponen Psikologi Pendidikan. Namun kecerdasan emosi yang digarapkan ini nampaknya belum mantap untuk melatih kecerdasan emosi bakal guru. . Menurut Kamalularifin,





et. al. (2005) proses penambahbaikan kualiti kompetensi kecerdasan emosi untuk bakal guru perlu ditingkatkan dengan melaksanakan intervensi kelompok kepada bakal guru yang bermasalah dan mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah

Pelajar IPG berada dalam kategori umur remaja iaitu antara 19 hingga 21 tahun (Ma'arof dan Haslinda, 2008). Pada peringkat ini pelajar IPG penuh dengan pelbagai cabaran, di mana mereka mula mempelajari penglibatan sosial dengan orang lain. Oleh itu sesuai dengan tuntutan emosi mereka, pelajar IPG mula berinteraksi dan berhubung dengan rakan sebaya serta persekitaran yang lebih kompleks (Nasrudin et.al 2011). Menurut Jas Laile Suzana (2008), terdapat ahli psikologi yang mendefinikan remaja sebagai suatu tempoh perkembangan fizikal, satu konsep yang abstrak, fenomena sosiobudaya atau berdasarkan sikap remaja terhadap hidupnya.

Contohnya, Freud berpendapat remaja ialah satu tempoh masa ketidakseimbangan psikik, penuh dengan konflik emosi dan tingkah laku yang tidak teratur.

Ada masanya remaja bersifat egoistik dan mereka percaya semua orang memerhatikannya, ada ketika mereka lupa kehendak diri sendiri dan kadang-kadang terlalu prihatin dengan orang lain. Freud berpendapat bahawa remaja sering kali mengalami keadaan hidup yang tidak teratur, ada masa turun naiknya, ada masa terlalu yakin pada diri dan ada masa remaja berasa ragu-ragu dengan tingkah laku dirinya sendiri. Rogers (1951) telah menyatakan manusia mempunyai potensi untuk menuju ke arah kesempurnaan sendiri dengan syarat individu itu harus mempunyai keyakinan terhadap dirinya. Oleh itu usaha untuk meningkatkan kecerdasan emosi perlu dijalankan secara berterusan oleh setiap individu sekiranya individu itu inginkan masa depan yang lebih cemerlang dan gemilang. Rogers (1967) mengakui intervensi





kaunseling kelompok dapat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan potensi diri.

Sehubungan itu, Unit Kaunseling merupakan organisasi paling penting bagi memupuk dan memperkembangkan unsur-unsur yang diperlukan bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi ini. Mengikut Blocher (1973), mendefinisikan kaunseling kelompok adalah proses interaksi yang menggerakkan pemahaman yang bermakna terhadap diri dan persekitaran dan menghasilkan pembentukan dan penjelasan matlamat dan nilai tingkah laku masa depan. Definisi ini jelas menunjukkan pendekatan kaunseling mampu untuk membawa perubahan kepada individu dari segi perasaan, pemikiran dan tingkah laku.



berstruktur boleh digunakan. Dalam kaunseling kelompok pula terdapat pelbagai pendekatan yang biasa digunakan, iaitu Kelompok Kaunseling Pemusatan Insan (Person Centered Counseling Group), Pendekatan Psikoanalitik (Psychoanalytic Approach), Kelompok Kaunseling Adlerian (Adlerian Group Counseling), Kelompok Kaunseling Psikodrama (Psychodrama Counseling Group), Kelompok Kaunseling Kewujudan (Existential Group Counseling), Kelompok Kaunseling Gestalt (Gestalt Group Counseling), Kelompok Terapi Rasional Perlakuan (Rasional Emotif Behavior Therapy) Corey (2000), Kelompok Kaunseling Analisis Transaksional (Transactional Analysis Group), Kelompok Pendekatan Tingkah Laku (Behavior Therapy Group) dan Kelompok Kaunseling Realiti (Reality Therapy Group).





Oleh itu, intervensi kaunseling kelompok pendekatan Adler disyorkan untuk membantu pelajar IPG yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah. Menurut Zuraidah (2004), intervensi kaunseling kelompok Pendekatan Adlerian yang mempunyai unsur pendidikan adalah sesuai kepada pelajar dan remaja untuk mempelajari perlakuan yang baik. Tambahan pula, perlakuan ini adalah berdasarkan persepsi individu itu hasil daripada rangsangan dan respon yang terdapat dalam kelompok pelajar tersebut. Mengikut Dinkmeyer (1979) intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adlerian mempunyai empat objektif iaitu:

- a) Membina dan mengekalkan empati antara ahli dan kaunselor.
- b) Menyediakan suasana terapeutik supaya ahli faham tentang kepercayaan dan perasaan mereka terhadap diri sendiri.
- c) Menolong ahli membina celik akal melalui teknik konfrantasi dan mentafsir.
- d) Membantu ahli untuk mencari alternatif dan menggalakkan mereka membuat pilihan.

Usaha mengaplikasi proses intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adlerian ini dilaksanakan bagi pencegahan sebagai langkah awal untuk membantu pelajar IPG yang rendah tahap kecerdasan emosinya untuk meningkatkan kecerdasan emosi mereka. Kesempatan ini digunakan semasa latihan guru untuk membina kecerdasan emosi pelajar IPG supaya lebih kompeten dan berkualiti dari segi kecerdasan emosi seiring dengan hasrat KPM.





1.3 Pernyataan Masalah

Fokus kajian ini adalah terhadap masalah kecerdasan emosi dalam kalangan guru pelatih atau pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) dan peranan perkhidmatan kaunseling kelompok dalam merawat pelajar bagi meningkatkan tahap kecerdasan emosi tersebut.

Program pendidikan guru yang berkualiti mampu menghasilkan guru yang berkualiti dan profesional dari segi kemahiran, ilmu pengetahuan dan sikap. Kualiti guru-guru yang dihasilkan adalah bergantung kepada kesesuaian dan keberkesanan pengisian kurikulum dalam latihan perguruan. Kurikulum yang disediakan kepada bakal-bakal guru mampu memberi pengetahuan, mengajar kemahiran dan membentuk sikap agar bakal guru bersedia menerima segala tugas dan tanggungjawab apabila mereka memulakan perkhidmatan di sekolah (Robiah, 1998).

Justeru, pelaksanaan kursus-kursus kepada guru-guru praperkhidmatan di Institut Pendidikan Guru perlu menjadikan mereka bakal guru yang berkesan dan berkualiti. Latihan perguruan yang kurang dinamis dengan perubahan dan kemajuan yang berlaku menyebabkan golongan guru yang dikeluarkan tidak mencapai kualiti yang sepatutnya dan tidak cekap menangani pelbagai jangkaan untuk menjadi agen perubahan dalam masyarakat (Abd. Rahim, 2000).

Institut Pendidikan Guru (IPG) merupakan salah satu institusi latihan yang mengeluarkan guru-guru sekolah rendah dan menengah setiap tahun. Melalui latihan perguruan, guru pelatih diberi latihan bagi membentuk kemahiran berfikir kritis dan



kreatif, melaksanakan gerak kerja luar bilik darjah dan ko kurikulum, lawatan sambil belajar, Bina Insan Guru (BIG) yang berbentuk membina sahsiah, fizikal dan juga melaksanakan aktiviti kemasyarakatan yang bersesuaian sebagai persediaan untuk melahirkan individu guru yang berjiwa pendidik (Kamalularifin, et. al. 2005).

Pelajar IPG juga terlibat dengan pembentukan nilai-nilai murni, sahsiah, peribadi mulia dan kemahiran insaniah melalui aktiviti kokurikulum pasukan beruniform, kelab, persatuan, sukan dan permainan. Bagi memastikan perkara ini berhasil latihan menggunakan modul kecerdasan emosi boleh memberikan pengalaman yang baharu buat para pelajar IPG dalam meningkatkan kecerdasan emosi yang harus dimiliki oleh setiap individu.

Tinjauan terhadap latihan yang diterima oleh bakal guru telah dibuat dan diramalkan guru tidak akan menghadapi masalah dalam menjalankan tugas profesionalnya (Jennings & Greenberg, 2009; Olson & Wyett, 2000). Namun menurut Ahmad dan Sabak (2009) penyelidik selalu terlepas pandang bahawa individu berpotensi menyebabkan masalah dalam bilik darjah. Dapatan ini disokong oleh kajian Brackett et.al (2010) iaitu perguruan adalah kerjaya yang paling mencabar. Guru menghadapi masalah kecerdasan yang lemah disebabkan oleh faktor-faktor kepuasan kerja, kebolehan mengurus diri dan 'burnout'.

Oleh itu terdapat sebahagian guru yang tidak dapat mengawal emosi mereka ketika berhadapan dengan pelbagai karenah pelajar di dalam kelas sehingga mereka melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan kecederaan fizikal dan kesan psikologi mendalam kepada pelajar (Ahmad, 2008; Eldar et.al 2003). Guru yang



baharu tamat latihan di institusi latihan guru pula didapati menghadapi masalah dalam menyesuaikan diri bersama warga sekolah (Subari, 2011; Veugelers & Vedder, 2003).

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan guru menghadapi menghadapi masalah kecerdasan emosi yang lemah disebabkan oleh stres dalam melaksanakan pekerjaan di organisasi mereka. Aloysia Aeria (1995) menunjukkan dapatan guru di daerah Petaling mengalami tahap 'burnout' yang membimbangkan. Suseela (1994) mendapati guru di Lembah Klang mengalami tekanan yang sangat tinggi. Manakala Mokhtar Ahmad (1998)) menyatakan 16.5% responden berada pada aras tekanan kerja rendah, 66% berada pada aras tekanan kerja sederhana dan 17.5% pada aras tekanan kerja yang tinggi.



kerana sifat dalaman guru itu sendiri yang tidak dapat mengawal kecerdasan emosi mereka. Berdasarkan dapatan kajian terhadap guru-guru inilah maka intervensi kaunseling kelompok terhadap pelajar IPG perlu dilaksanakan walau pun terhadap sebilangan kecil pelajar IPG yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang lemah supaya mereka lebih bersedia menghadapi cabaran dalam perkhidmatan dan kemenjadian guru dapat direalisasikan apabila bertugas nanti.

Setiap individu sentiasa terdedah kepada masalah kecerdasan emosi. Setiap perubahan yang berlaku kepada individu akan menyebabkan berlakunya kelemahan kecerdasan emosi tanpa mengira sama ada perubahan yang berlaku bersifat positif atau negatif. Palmer dan Dryden (1995) menyatakan kecerdasan emosi yang dialami





sama ada bersifat positif atau negatif bergantung kepada persepsi individu terhadap keupayaannya untuk mengendalikan sesuatu masalah yang dihadapi.

Ini bermakna individu perlu berusaha untuk meningkatkan kecerdasan emosi dari semasa ke semasa bagi menjamin individu itu dapat mengendalikan kecerdasan emosi mereka dengan berkesan. Ini kerana mereka mampu mengelola perasaan dengan baik, toleransi terhadap kekecewaan, mengendalikan kemarahan, tidak agresif, mempunyai perasaan positif terhadap diri sendiri, keluarga dan organisasi serta mengurangkan ekspresi verbal yang menjauhkan orang lain. Sehubungan dengan itu, individu ini mempunyai kemahiran komunikasi, menjadi pendengar yang baik, melakukan pendedahan sendiri dan mengekspresi perasaan.



diri tidak akan berlaku. Individu yang tidak mampu mengendalikan emosinya dengan baik akan mengalami kekeliruan dalam dirinya dan menghalang kemampuan akal untuk berfikir dengan baik (Goleman, 1995). Kecerdasan emosi yang ada pada diri individu akan menentukan potensinya bagi mempelajari kemahiran secara praktikal melalui lima elemen iaitu kesedaran sendiri, motivasi, pengurusan diri, empati dan hubungan sosial (Goleman, 1995). Manakala pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan tentang emosi, mereka agak sukar untuk mengarahkan emosi mereka dalam mengekalkan sesuatu pemikiran dan tindakan yang berkesan. Hal ini akan menjadi penghalang bagi mereka untuk membuat sesuatu tindakan yang positif (Noriah, 2005)





Tugas guru tentunya melaksanakan fungsi membentuk dan mengubah tingkah laku pelajar (Tajul, 2001). Dalam pendidikan formal, peranan guru adalah untuk menyuburkan pemikiran, kestabilan emosi dan kesejahteraan fisiologikal pelajar. Kesan yang ditinggalkan oleh seseorang guru terhadap pelajarnya mempengaruhi corak pembelajaran dan karier pelajar tersebut untuk masa depan (Abu Bakar & Ikhsan 2003). Abu Bakar & Ikhsan (2003), menyatakan terdapat tiga tanggungjawab asas yang dipikul oleh guru-guru bagi menjayakan pendidikan, iaitu; (i) guru sebagai role model, (ii) guru sebagai pembentuk akhlak dan (iii) guru sebagai pakar subjek yang diajar. Tugas sebagai guru tidak terbatas semasa waktu bekerja sahaja, tetapi berterusan selagi mereka berinteraksi dengan masyarakat, terutama masyarakat di sekelilingnya.



begitu, profesionalisme seseorang guru bergantung kepada sikap mereka terhadap profesion yang dicerminkan melalui tingkah laku kepada pelajar. Guru sepatutnya menjadi contoh yang baik, sentiasa melakukan refleksi terhadap diri sendiri (Parson & Stephenshon 2005), berdisiplin, mendidik dengan bersungguh-sungguh, menepati masa, berakhlak mulia dan mempunyai emosi yang stabil. Keperibadian ini dapat memberikan impak yang positif dalam pembentukan keperibadian para pelajar. Guru perlu mempunyai hubungan baik dengan pelajar supaya dapat membimbing dan membantu mereka dalam pencapaian akademik dengan lebih berkesan.

Kecerdasan emosi juga penting dalam memperkasa kepimpinan dalam setiap aspek kehidupan masyarakat sama ada daripada aspek kekeluargaan, organisasi, masyarakat dan negara. Pelajar IPG juga berperanan sebagai pemimpin kepada





organisasi dan juga masyarakat. Pelajar IPG sebagai pemimpin perlu mempunyai emosi yang positif supaya dapat mempengaruhi dan membentuk hubungan yang efektif dengan persekitaran. Mohd Azhar (2004), menyatakan kajian telah dilaksanakan oleh Daniel Goleman ke atas kanak-kanak, remaja dan dewasa, mendapati bahawa individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi, akan mencapai prestasi kepimpinan yang tinggi dari sudut kecekapan sosial, keberkesanan peribadi, boleh mengawal tekanan, lebih berdiskari dan boleh dipercayai dalam kerja mereka.

Dalam kajian Cooper (1995) terdapat perbezaan yang nyata antara individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dengan individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang lemah. Individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi akan menjadi lebih sihat dan berjaya berbanding dengan kawan-kawan yang kurang berketerampilan dari segi emosinya. Hal ini berlaku kerana individu tersebut mempunyai keyakinan diri dan berinisiatif untuk menyelesaikan masalah, berfikiran terbuka dan mempunyai matlamat yang hendak dicapai. Solovey (1990) pula mendapati individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih peka dan boleh menilai perasaan orang lain. Mereka menunjukkan empati yang tinggi terhadap orang lain.

Dalam beberapa kajian mendapati ramai dalam kalangan guru terlibat dalam isu-isu berkaitan dengan tekanan kerja, kemurungan, tahap kepuasan kerja dan motivasi yang rendah serta kebimbangan kerja yang tinggi (Norah & Aliza 2002 & Taniza 2002). Fenomena tersebut boleh menyumbang kepada ketidakstabilan emosi mereka. Tekanan kerja guru boleh menyebabkan kesihatan mental dan fizikal terjejas





dan seterusnya secara tidak langsung boleh mempengaruhi kualiti pengajaran seseorang guru. Justeru, peranan kecerdasan emosi sangat membantu guru-guru dalam menangani pelbagai tekanan yang mereka hadapi. Permasalahan ini sangat berkait rapat dengan pelajar IPG kerana guru adalah kerjaya mereka nanti. Masalah ini perlu diberi kesedaran dan ditangani lebih awal.

Pengambilan guru pelatih ke Institut Pendidikan Guru adalah melalui Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG), di mana terdapat dua bahagian iaitu Ujian bertulis Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) yang menggunakan soalan aneka pilihan dan Ujian Kecergasan. Setelah lulus UKCG akan diadakan pula sesi temuduga yang hanya menitikberatkan kecerdasan intelek dan komunikasi tanpa mempertimbangkan tahap kecerdasan emosi individu yang bakal menjadi guru pada masa depan (Panduan kemasukan ke IPG, KPM, 2016). Oleh itu, intervensi terhadap sebilangan kecil pelajar IPG yang tahap kecerdasan emosinya rendah perlu segera di beri intervensi ini bagi mengelakkan kecerdasan emosi rendah berlarutan sehingga berkhidmat nanti.

Penelitian kajian lepas hanya memberi penekanan kepada masalah kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar IPTA, IPTS, Politeknik, sekolah dan guru-guru sahaja. Kajian yang berkaitan dengan kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar IPG agak terhad dan berdasarkan kepada elemen-elemen tertentu sahaja yang dikaji dalam kecerdasan emosi. Unit Bimbingan dan Kaunseling IPG Kampus Kota Bharu telah melaksanakan satu kajian tinjauan terhadap kecerdasan emosi pelajar IPG pada tahun 2013. Dapatan kajian secara rawak yang dijalankan menunjukkan 8.2% pelajar IPG menghadapi masalah tahap kecerdasan emosi yang lemah. Seramai 40 orang pelajar IPG telah dirujuk ke Unit Psikologi dan Kaunseling IPG Kampus Kota Bharu untuk





menjalani proses rawatan yang menggunakan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA). Meskipun peratusan yang mempunyai kecerdasan emosi yang lemah adalah sangat kecil, namun perkara ini perlu mendapat perhatian khusus bagi melahirkan bakal guru yang berkualiti.

Sehubungan itu, tanpa rawatan yang benar-benar berkesan, bakal guru atau pelajar IPG yang lemah dalam aspek kecerdasan emosi diramalkan akan mengalami kemerosotan dalam pencapaian akademik dan profesion. Kecerdasan emosi yang tinggi amat berguna kerana kecerdasan emosi penting bagi mencapai kesejahteraan dalam hidup.

Dalam setiap tindakan yang dilakukan oleh manusia tentunya memerlukan pertimbangan emosi yang baik. Menurut Goleman (1995), hanya 20% daripada hasil kejayaan individu adalah hasil daripada pembangunan kecerdasan intelek, tetapi 80% disebabkan oleh faktor-faktor perkembangan kecerdasan emosi. Oleh itu, intervensi kelompok telah disyorkan untuk membantu pelajar IPG yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah (Adler 1967; Rogers 1951; Sapora 2010).

Intervensi yang disyorkan ialah intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adlerian. Menurut Sonstegard dan Bitter (2004) serta Zuraidah (2004), intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adlerian mempunyai unsur-unsur pendidikan yang sesuai kepada pelajar untuk mempelajari tingkah laku yang baik. Pendekatan ini memberikan penekanan bagi menggalakkan seseorang individu itu mengubah perspektif kognitif mereka. Individu juga diajar untuk melihat diri dan kehidupan dengan perspektif baharu yang lebih bermakna.





Pendekatan Adlerian berbeza dengan pendekatan-pendekatan lain contohnya Terapi Kognitif Tingkah Laku (CBT), yang tidak memberi penekanan kepada gaya hidup atau matlamat personal sebagaimana Pendekatan Adlerian yang memberikan penekanan kepada *personal-social* yang merujuk kepada kepercayaan, matlamat dan tindakan yang mempunyai signifikan sosial yang menyumbang kepada masyarakat.

Selain itu, didapati sangat jarang kaunselor menjalankan intervensi kaunseling kelompok dengan berorientasikan teori (Abdul Malek 2004; Mohammad Nasir 2006; Wan Abdul Kader 1991) serta modul tertentu. Justeru itu, pengkaji berhasrat menjalankan kajian untuk melihat kesan intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adlerian. Oleh yang demikian kajian ini adalah untuk mengukur keberkesanan intervensi kelompok iaitu intervensi kelompok yang berpandukan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA) terhadap kecerdasan emosi pelajar IPG Akhirnya kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap keberkesanan intervensi kelompok dan hasil kecerdasan emosi dari segi elemen-elemen yang diperoleh pelajar IPG hasil proses sesi intervensi kelompok.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar IPG.
2. Menentukan perbezaan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG





3. Menentukan perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan jantina antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.
4. Mengenal pasti perbezaan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG.
5. Mengenal pasti perbezaan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.



1. Apakah tahap kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar IPG.
2. Adakah terdapat perbezaan kecerdasan emosi antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.
3. Adakah terdapat perbezaan kecerdasan emosi berdasarkan jantina antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.
4. Adakah terdapat perbezaan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG.





5. Adakah terdapat perbezaan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.

1.6 Hipotesis Kajian

Bagi melihat kesan eksperimen terhadap pemboleh ubah terikat, pengkaji telah membina hipotesis kajian bagi menguji setiap pembolehubah dari segi kesan rawatan yang diberikan. Semua hipotesis kajian dibentuk berdasarkan data kuantitatif. Oleh itu hipotesis kajian ini berkait dengan soalan-soalan kajian yang terbentuk dalam



objektif kajian adalah seperti berikut:

H01: Tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi yang signifikan antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.

H02: Tidak terdapat perbezaan kecerdasan emosi yang signifikan berdasarkan jantina antara kelompok rawatan dan kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG


H03: Tidak terdapat perbezaan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan yang signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok rawatan dalam kalangan pelajar IPG.

H04: Tidak terdapat perbezaan status kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan yang



signifikan antara ujian pra dan ujian pasca bagi kelompok kawalan dalam kalangan pelajar IPG.

1.7 Kerangka Teori Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Teori Kajian



Teori dan model yang dibincang dan diaplikasikan dalam penyelidikan ini terdiri daripada Model Pendekatan Adler yang berasaskan Teori Psikologi Individu dan Teori Kecerdasan Emosi, sebagaimana yang digambarkan dalam rajah 1.1 Kerangka Teori Kajian di atas. Intervensi kaunseling Adlerian adalah membantu individu mengembangkan gaya hidup holistik dan sihat. Kerangka teori ini dibentuk berasaskan andaian-andaian dalam perkembangan personaliti manusia yang dinyatakan oleh Adler dalam Teori Psikologi Individu. (Corey 2005; Slavik dan Carlson 2006; Sostegard dan Bitter 2004) iaitu menjadi superior, persepsi subjektif individu membentuk tingkah laku dan keperibadian, fenomena psikologis disatukan ke dalam diri individu dalam bentuk 'self', kemahiran, potensi dikembangkan sesuai dengan gaya hidup dari 'self', kekreatifan individu dan mencari sukses atau superior.



kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi sendiri, empati, kemahiran perhubungan sosial, kerohanian dan kematangan adalah sangat perlu kepada individu bagi mencapai keterampilan diri yang positif. Modul MPEQPA dilaksanakan dalam sesi kaunseling kelompok bagi membantu individu yang rendah kecerdasan emosinya supaya berubah mencapai kecerdasan emosi yang tinggi dalam kalangan pelajar IPG. Di bawah dibincangkan mengenai Model Pendekatan Adler yang berasaskan Teori Psikologi Individu dan Teori Kecerdasan Emosi.





1.7.1 Model Pendekatan Adlerian

Adler telah menyumbangkan idea yang berasaskan kepentingan dalam penyediaan suatu keadaan yang positif dan wujudnya suatu gerakan semula jadi untuk mengatasi ketakutan dan mengembangkan potensi individu ke arah kesempurnaan sendiri. Melalui pendekatan ini, matlamat kelompok dapat dicapai tujuannya iaitu:

- a) Untuk membentuk individu supaya lebih berorientasikan matlamat hidup yang jelas pada akhir sesi.
- b) Untuk memperbetulkan persepsi yang salah atau salah anggap dan menghilangkan sikap bersaing yang kurang sihat.
- c) Membantu mengembangkan kemahiran sosial berdasarkan prinsip tolak ansur dan interaksi secara sihat.
- d) Membantu ahli kelompok menangani persepsi diri sendiri yang negatif dan menunjukkan sikap bekerjasama terhadap ahli kelompok.

Kaunselor dalam kelompok Adler berperanan sebagai fasilitator yang mencipta dan menggalakkan perkembangan suasana terapeutik dalam kalangan ahli kelompok. Kaunselor juga adalah sebagai model kepada ahli-ahli kelompok supaya ahli-ahli dapat melaksanakan perbincangan bagi menyelesaikan masalah dengan berkesan.

Proses kaunseling Terapi Adler ini terbahagi kepada 4 langkah atau fasa iaitu:

1. Membina, mewujudkan dan mengekalkan hubungan terapeutik.
2. Mendiagnosis





3. Menginterpretasi
4. Mengorientasi semula

Fasa pertama: Membina, mewujudkan dan mengekalkan hubungan terapeutik. Dalam fasa ini, hubungan baik antara kaunselor dan klien perlu diserasikan. Kaunselor dengan pengalaman dan pengetahuan akan menyediakan suasana yang positif yang membolehkan klien berasa selesa, diterima dan dihormati sehingga menggalakkan ahli-ahli untuk menceritakan dan berkongsi permasalahan dengan lebih spesifik .

Fasa kedua: Mendiagnosis. Fasa ini bertujuan untuk meneroka dan menyelami permasalahan klien dengan lebih terperinci di mana kaunselor menemuduga klien dari segi gaya hidup, sistem kekeluargaan dan sebagainya. Melalui interaksi dan komunikasi, kaunselor dapat menghubungkan dengan konsep Adler yang dijelaskan di awal perbincangan seperti konstelasi keluarga, susunan kelahiran, ingatan awal dan yang lainnya. Antara teknik yang digunakan dalam fasa ini termasuklah bertanya, parafrasa, konfrontasi dan membuat andaian.

Fasa ketiga: Menginterpretasi. Dalam fasa ketiga ini, kaunselor dan klien akan mengadakan perbincangan serta menganalisis, di mana kaunselor dapat menyampaikan kefahaman, membina pemikiran positif dan celik akal dalam kelompok. Ini akan mengubah emosi dan tingkahlaku yang baik dan positif . Ianya bertujuan agar ahli dapat memahami kelakuan mereka selama ini perlu ditambahbaik.





Fasa keempat: Orientasi semula. Fasa terakhir ini merupakan fasa yang kritikal di mana dalam fasa ini kaunselor akan membantu klien memilih alternatif dalam membuat perubahan sikap dan pemikiran dengan sokongan, galakan dan hala tuju yang bersesuaian dengan kehidupan klien. Fasa ini juga, kaunselor boleh menyediakan suasana yang mencabar supaya ahli kelompok lebih berani mengambil risiko dan membuat perubahan yang diinginkan ke arah yang lebih baik.

Asas teori Adler dalam sesi kaunseling kelompok adalah usaha dalam membantu klien celik akal dan mengubah diri kepada sendiri yang positif dengan memilih alternatif yang sesuai bagi meningkatkan diri yang positif. Menurut Adler, manusia lahir dalam keadaan tidak berdaya dengan keadaan tubuh yang lemah. Dari keadaan tidak berdaya itu menimbulkan perasaan takut atau inferioriti dan kebergantungan kepada orang lain. Adler memandang individu sebagai makhluk yang saling bergantung secara sosial. Mengikut Teori Adler:

- a) Satu-satunya kekuatan yang dinamik yang menjadi latar belakang aktiviti manusia adalah perjuangan untuk mencapai kejayaan atau menjadi superior.
- b) Persepsi subjektif individu membentuk tingkah laku dan keperibadian.
- c) Semua fenomena psikologi disatukan ke dalam diri individu dalam bentuk self.
- d) Manfaat daripada aktiviti manusia perlu dilihat dari sudut pandangan minat sosial.
- e) Semua potensi hidup manusia dikembangkan sesuai dengan gaya hidup dari self.





- f) Gaya hidup dikembangkan melalui kekuatan kreatif individu.
- g) Perjuangan mencari kejayaan atau superioriti.

Model Pendekatan Adlerian adalah berasaskan Teori Psikologi Individu. Teori ini juga merupakan satu teori personaliti dan sitem terapeutik. Teori Adler turut menekankan konsep *fictional finalism* perasaan inferioriti dan pampasan, berusaha ke arah superioriti, sendiri kreatif, minat sosial, pengalaman kanak-kanak dalam keluarga, gaya hidup dan lain-lain. Pendekatan Adlerian adalah berdasarkan teori psikologi individu yang mengamalkan pendekatan *holistic-sosioteleological*. Ini kerana Adler percaya individu adalah didorong oleh tanggungjawab sosial (social responsibility) dan pencapaian keperluan (need achievement) (Amir 1987; George & Christiani 1990). Selain itu Adler juga berpendapat tingkah laku individu adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor sosial, keluarga dan alam sekitar. (Corey 2005)

Mengikut Adler, semua manusia yang dilahirkan di dunia ini merupakan makhluk sosial. Keadaan ini sebenarnya dikatakan telah wujud semasa hubungan kandungan dengan ibu yang mengandung. Apabila bayi dilahirkan, hubungan dengan persekitaran tidak boleh dipisahkan dengan sosial persekitarannya. Oleh itu, manusia bermotivasi lebih disebabkan kesan daripada desakan sosial.

Walaupun manusia mempunyai minat sosial yang dikatakan semulajadi atau secara warisan, namun tidak bermakna individu itu secara automatik memperoleh minat sosial yang sihat dan sepatutnya. Amir (1987), menyatakan kewujudan minat sosial ini juga perlu dibimbing dan diberi latihan. Pendapat ini adalah benar dengan





adanya tiga komponen iaitu tingkah laku, perasaan atau emosi dan kognitif. Belkin (1988), telah menggariskan seperti berikut:

- a) Tingkah laku : membantu, berkongsi, penglibatan diri, hormat menghormati, bekerjasama, bertolak ansur, empati, memberi galakan dan reformasi.
- b) Perasaan (Emosi) : rasa dimiliki, selesa, semangat berkomuniti, saling percaya, berani mengaku dunia ini tidak sempurna, berperikemanusiaan dan optimis.
- c) Kognitif :
 - i) Hak dan tanggungjawab individu dalam masyarakat adalah sama.
 - ii) Mencapai matlamat sendiri selaras dengan kebajikan komuniti.
 - iii) Masyarakat adalah bergantung kepada ahli-ahlinya dalam keadaan hidup harmoni.
 - iv) Percaya unsur 'saling'
 - v) Ukuran tentang dirinya adalah sejauh mana saya promosikan kebajikan masyarakat.

Memandangkan bukan semua individu yang dilahirkan mempunyai ciri-ciri dalam ketiga-tiga komponen sebagai mana yang dinyatakan maka, latihan dan bimbingan untuk minat sosial adalah sangat penting supaya individu dapat membangunkan gaya hidup yang sihat.





Corey (2005) dan Othman (2000) meyakini, Adler berpendapat manusia adalah entiti yang harus difahami secara holistik, oleh itu tidak perlu dipecah-pecahkan kepada komponen yang berasingan kerana manusia unik dan perlu dilihat secara keseluruhan dari aspek fizikal, interpersonal, kecerdasan dan jiwa. Selain itu manusia juga adalah sebahagian daripada keluarga, komuniti, masyarakat dan umat manusia. Keseluruhannya memberikan gambaran yang jelas bahawa segala emosi, pemikiran dan tingkah laku yang dilaksanakan oleh individu adalah berkaitan dengan aspek yang dinyatakan di atas.

Corey (2005) menyatakan tujuan Pendekatan Adler adalah bagi mencapai beberapa matlamat iaitu:

- a) Membentuk ahli yang lebih berorientasikan minat sosial dan menjadi individu yang lebih bersepadu serta mempunyai matlamat hidup yang jelas pada akhir sesi.
- b) Memperbetulkan persepsi ataupun kepercayaan yang silap dan menghilangkan sikap bersaing yang kurang sihat.
- c) Menumpukan kepada isu-isu yang berasaskan keluarga seperti konstelasi keluarga dan ingatan awal semasa kanak-kanak.
- d) Membantu ahli kelompok menangani persepsi diri sendiri yang negatif dan mempromosi sikap bekerjasama terhadap kelompok dan masyarakat dalam kalangan ahli kelompok.
- e) Membantu penyesuaian sosial berdasarkan prinsip tolak ansur dan berinteraksi secara sihat.



Menurut Hansen et al. (1982), terdapat tiga matlamat khusus kaunseling psikologi individu seperti berikut:

- a) Membantu individu mengurangkan penilaian sendiri yang negatif dan perasaan inferioriti.
- b) Membantu klien membetulkan persepsinya terhadap peristiwa dan masa lampau dan pada masa yang sama membentuk satu set objektif baharu untuk mengarah tingkah laku.
- c) Membantu klien membentuk semula sikap, minat sosial dan suka berinteraksi dengan sosial.

Umumnya, proses teori ini lebih mirip kepada penerokaan matlamat salah (mistaken goal) yang wujud dalam diri klien di samping mengenal pasti andaian yang tersilap (Amla et al. 2006; Othman 2000; Sweeney 1998). Justeru itu, proses ini lebih merupakan unsur pendidikan, tunjuk ajar, memberi maklumat serta memberi galakan kepada klien yang merasa rendah diri. Ini akan mewujudkan gaya hidup yang lebih sejahtera.

1.7.2 Model Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi merujuk kepada integrasi emosi dengan struktur kognitif dalam personaliti individu, iaitu sejenis elemen psikologi yang dihasilkan daripada penerapan emosi dengan kognitif seseorang. Kecerdasan emosi merangkumi pengendalian diri, semangat dan ketekunan serta kemampuan memotivasikan diri





sendiri dan bertahan menghadapi kegagalan, kesanggupan mengendalikan dorongan hati dan emosi, tidak melebihi-lebihkan kesenangan, mengatur suasana hati dan menjaga supaya beban tekanan tidak melumpuhkan kemampuan berfikir bagi membaca perasaan dalaman orang lain dan berdoa untuk memelihara hubungan dengan sebaik-baiknya, kemampuan untuk menyelesaikan konflik serta untuk memimpin (Azhar, 2004).

Terdapat tiga ‘Model Kecerdasan Emosi’ iaitu :

1. Model Reuven Bar-On (EQ-i)
2. Model Mayer & Salovey (4 Branch Model)
3. Model Goleman (ECI)



Dalam kajian ini pengkaji menggunakan Teori Kecerdasan Emosi Model Goleman. Namun begitu pengkaji telah menambah dua lagi elemen kecerdasan emosi oleh Noriah (2002), sesuai dengan keperluan di setempat dan persekitaran di Malaysia iaitu kematangan dan kerohanian. Noriah (2004) menyatakan bahawa kecerdasan emosi merupakan kebolehan manusia untuk memahami perasaan sendiri dan menggunakannya untuk membuat keputusan yang berkesan di dalam kehidupan individu tersebut. Setiap individu akan dapat mengawal perasaan kecewa, sedih, tertekan dan perasaan-perasaan yang negatif dengan baik melalui kecerdasan emosi. Ini seterusnya meambolehkan seseorang individu itu mengawal dorongan (impulses).

Yahya et.al (2007), menyatakan Goleman juga telah mendefinisikan kecerdasan emosi iaitu:





“.....kecerdasan emosi adalah kemampuan untuk mengawal dan mengelolakan diri sendiri dan orang lain dari aspek perasaan, emosi dan tingkah laku. Ia juga merupakan tindakan dan kepintaran untuk mengubahsuai sesuatu tingkah laku bersesuaian dengan masa dan keadaan.”

Goleman (1998) berpendapat, penilaian seseorang individu itu bukan sahaja diasaskan kepada kecerdasan intelek (IQ) sahaja tetapi yang lebih utama adalah kecerdasan emosi (EQ) yang ada pada diri individu. Menurutnya lagi, kecerdasan intelek (IQ) tidak dapat menjamin kesejahteraan dan keharmonian diri serta hubungan dengan masyarakat sekeliling. Namun, kecerdasan emosi (EQ) mengikut kajian dapat meninggalkan kesan yang mendalam dalam keseluruhan aspek kehidupan termasuk aspek kesihatan dan sosial individu berkenaan.



Menurut buku ‘The Emotional Intelligence’ yang ditulis oleh Goleman (1998), terdapat bukti kecerdasan emosi amat berkuasa malahan lebih berkuasa daripada IQ dalam sebarang domain kehidupan manusia. Dalam erti kata lain kecerdasan emosi mampu mencorakkan kehidupan manusia daripada kecerdasan azali (sedia ada). Dari sudut saintifiknya pula, Mayer (1997), dalam bukunya ‘Emotional Development and Emotional Intelligence’, telah mendefinisikan kecerdasan emosi (emotional intelligence) sebagai keupayaan untuk menakul emosi. Kecerdasan emosi dapat dibahagikan kepada empat perkara iaitu mempersepsi emosi, menyepadukan emosi dalam pemikiran, memahami emosi dan menguruskan emosi.

Sehubungan itu dapatlah disimpulkan bahawa kesemua konsep yang dikemukakan telah dirangkum dalam definisi kecerdasan emosi yang dikemukakan





oleh Goleman iaitu “Keupayaan seseorang menyedari dan mengenal pasti perasaannya dan perasaan orang lain, mempunyai motivasi sendiri, boleh mengurus emosinya sendiri serta mampu menjalin hubungan dengan mesra dan baik”.

Oleh itu, definisi yang dikemukakan oleh Goleman dan Noriah (2004), secara tidak langsung dapatlah dirumuskan bahawa terdapat tujuh domain dalam kecerdasan emosi. Domain-domain tersebut adalah :

1. Kesedaran sendiri (Self Awareness),
2. Regulasi sendiri (Self Regulation),
3. Motivasi sendiri (Self Motivation),
4. Empati (Empathy),
5. Kemahiran sosial (Social skill)
6. Kematangan (Maturity)
7. Kerohanian (Spritual)



Kesedaran sendiri (self-awareness) adalah mengetahui perasaan dalam satu-satu situasi dan dapat memilih keutamaan panduan dalam membuat keputusan, mempunyai penilaian yang realistik tentang keupayaan diri dan keyakinan diri yang utuh (Goleman 1999). Ini bermaksud, kesedaran diri juga sebagai objek yang membolehkan diri menyesuaikan tingkah laku berdasarkan konsep diri, atau kesedaran dan kefahaman terhadap diri dan persekitaran yang membolehkan berlakunya penilaian sendiri. Manakala, bagi Weisenger (1998) kesedaran sendiri ialah kebolehan memantau diri, menguasai tindakan dan tindak balas ke arah sesuatu matlamat.





Regulasi sendiri (self-regulation) adalah mengurus emosi agar ianya memudahkan dan bukannya mengganggu dalam menyelesaikan tugas, berhemah dan menenangkan sementara perasaan untuk memuaskan hati dalam mengejar matlamat, dan cepat pulih daripada tekanan emosi (Goleman 1999). Weisenger (1998) menyatakan bahawa kawalan sendiri ialah memahami emosi terbabit dan menggunakan emosi secara positif untuk mengawal keadaan.

Motivasi sendiri (self-motivation) adalah dengan menggunakan kehendak utama hati dalam menggerak dan memandu arah seseorang untuk mencapai tujuan, membantu dalam mengambil inisiatif dan bersungguh-sungguh untuk memperbaiki diri, dan tetap tabah apabila menghadapi masalah dan kekecewaan (Goleman 1999). Ia juga bermaksud menggunakan emosi untuk merangsang dalam mencapai sesuatu matlamat atau menyelesaikan sesuatu tugas, projek dan lain-lain.

Empati pula boleh mengesan perasaan orang lain, boleh melihat atau memahami sudut pandangan orang lain dan boleh mencetus dan menyuburkan kemesraan dan keserasian dengan individu yang pelbagai latar belakang (Goleman 1999). Terdapat juga menyatakan bahawa empati ialah melihat sesuatu daripada sudut pandangan seseorang, memahami paradigma mereka dan juga memahami perasaan mereka sepenuhnya secara emosional dan juga intelektual.

Kemahiran sosial (social skill) dapat mengurus pelbagai emosi secara efektif dalam perhubungan dan mampu mentafsir dengan tepat situasi sosial dan matlamatnya serta mahir memujuk dan memimpin, berunding dan menyelesaikan konflik untuk mewujudkan kerjasama dan semangat berpasukan (Goleman 1999).





Kematangan (maturity) setiap manusia atau individu perlu menjadi matang pada waktu dan keadaan yang sepatutnya supaya dapat berfikiran dan bersikap matang. Noriah e.t al. (2003) telah mendapati bahawa domain kematangan ini merangkumi aspek usia, pengalaman dan pengetahuan seseorang serta kesannya terhadap kecerdasan emosi.

Kerohanian (spiritual) nilai kerohanian ini perlu berteraskan kepada pegangan agama agar dapat membantu membersihkan jiwa individu supaya dapat menjalin hubungan yang lebih baik dengan tuhan, sesama manusia serta alam sekeliling.

1.8 Kerangka Konseptual Kajian



Bahagian ini menjelaskan kerangka konseptual kajian yang digambarkan dalam satu model serta perkaitan antara pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini.


Kajian ini merupakan satu kajian penyelidikan dan pembangunan bidang kaunseling di mana bermula kajian awal untuk mengumpul maklumat mengenai tahap kecerdasan emosi pelajar IPG. Tahap kecerdasan emosi dikumpul dengan menggunakan soal selidik Instrumen Kecerdasan Emosi Malaysia – Remaja (IKEM-R) oleh Noriah et.al (2004). Kajian ini menekankan intervensi kelompok yang menggunakan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA) untuk melihat perkembangan dan perubahan individu dari aspek kecerdasan emosi yang berkaitan dengan kesedaran sendiri, regulasi sendiri, empati, motivasi, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan dengan menggunakan kaedah kaunseling kelompok





berstruktur Adler. Secara ringkasnya, model kajian ini ditunjukkan secara konseptual melalui Rajah 1.2 di bawah.





Rajah 1.2. Kerangka Konsep Kajian Kesan Intervensi Kaunseling Kelompok Berdasarkan Pendekatan Adler Ke Atas Kecerdasan Emosi Pelajar IPG



1.8.1 Intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler (MPEQPA)

Model Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler ini dibina berdasarkan Teori Psikologi Individu Alfred Adler. Sonstegard dan Bitter (2004) telah membina model ini. Menurut Sonstegard dan Bitter (2004) kaunseling kelompok pendekatan Adler ini mempunyai keistimewaan kerana Model Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler ini dibina dan disusun dengan teratur. Sesi kaunseling kelompok ini perlu dilakukan berdasarkan fasa-fasa yang telah dicadangkan. Model ini adalah gabungan proses dan struktur dalam teori kaunseling kelompok.

Sonstegard dan Bitter (2004) menekankan empat fasa dalam proses kaunseling kelompok Pendekatan Adler. Fasa-fasa tersebut adalah seperti berikut:



Fasa I : Membina Hubungan Dengan Ahli Kelompok

Fasa II : Menganalisis Dan Membuat Penilaian Gaya Hidup Ahli Kelompok

Fasa III : Memahami Diri Dan Mencapai Celik Akal Oleh Ahli Kelompok

Fasa IV : Membuat Orientasi Dan Mendidik Semula Ahli Kelompok Ke Arah
Tindakan

Fasa I : Membina Hubungan Dengan Ahli Kelompok

Fasa ini memberi fokus utama dan merupakan fasa yang penting untuk membina hubungan terapeutik dalam kalangan ahli kelompok. Suasana terapeutik dalam kelompok dapat memberi peluang bagi menangani isu berkaitan kepercayaan dan menguatkan hubungan sesama ahli dalam kelompok. Model Kaunseling





Kelompok Pendekatan Adlerian mementingkan hubungan setaraf antara ahli kelompok di mana perjalanannya berasaskan kepimpinan demokrasi (Sontegard dan Bitter, 2004). Oleh itu, kaunselor yang baik melaksanakan proses kelompok secara demokrasi dan ini seterusnya dapat menimbulkan perasaan hormat menghormati dan bekerjasama dalam kalangan ahli.

Sehubungan itu, dalam Fasa I, kaunselor perlu mementingkan pembentukan rasa hormat dan percaya sesama ahli dalam kelompok. Ini bermakna kaunselor dan ahli kelompok perlu berusaha untuk mencapai matlamat dan celik akal yang telah dipersetujui bersama.

Fasa II : Menganalisis Dan Membuat Penilaian Gaya Hidup Ahli Kelompok



Fasa ini bertujuan untuk memahami matlamat gaya ahli kelompok. Melalui fasa ini dapat dibuat penilaian sejauh mana gaya hidup memberi kesan dan berfungsi dalam kehidupan. Bagi menganalisis dan menilai masalah ahli kelompok, kaunselor harus meneroka permasalahan yang dibawa oleh ahli kelompok supaya kedua-dua pihak dapat memahami permasalahan dengan betul dan dapat membantu ahli kelompok menganalisis permasalahan dengan lebih tepat.

Oleh itu, kaunselor harus memperoleh maklumat mengenai gaya hidup ahli kelompok. Kaunselor juga harus memberi perhatian yang sewajarnya terhadap perasaan, motif, kepercayaan dan matlamat ahli kelompok. Kaunselor perlu meneroka dan membuat interpretasi dalam usaha untuk memahami masalah ahli kelompok. Penilaian ini adalah untuk melihat interpretasi ahli pada diri sendiri dan sebahagian





daripada andaian salah yang berkait dengan interpretasi ini (Sontegard dan Bitter, 2004).

Fasa III : Memahami Diri Dan Mencapai Celik Akal Oleh Ahli Kelompok

Fasa ini pula adalah untuk melihat ahli kelompok mencapai peringkat celik akal. Celik akal merupakan langkah ke arah perubahan personaliti di mana manusia mempunyai keupayaan dalam mengatasi masalah kelemahan diri dan seterusnya dapat membina matlamat hidup yang berfaedah bagi mencapai superioriti. Ini boleh mendorong individu menentukan cara yang sesuai mengikut kreativiti sendiri untuk mencapai matlamat hidup yang diinginkan. Pada peringkat celik akal ini, ahli kelompok dibantu untuk memahami diri serta bagaimana mereka boleh membuat keputusan

dalam kehidupannya.



Dalam Fasa ini, kaunselor menggunakan kemahiran interpretasi bagi mencari makna disebalik setiap ahli kelompok. Selain itu, kaunselor juga boleh mengkonfrantasi dan mencabar tingkah laku yang merosakkan diri (self defeating action) dan kepercayaan silap (mistaken beliefs) yang dimiliki oleh ahli kelompok. Pada masa yang sama, kaunselor juga boleh menyokong usaha dan memberi galakan kepada ahli kelompok untuk mencapai celik akal. Ahli kelompok diminta menumpukan kepada situasi ‘di sini dan sekarang’ (here and now) dan cuba memahami perkara-perkara dan tindakan yang menyumbang kepada masalah berdasarkan penilaian tadi. Seterusnya, ahli kelompok saling bantu membantu dan bekerjasama memikirkan alternatif yang dapat dilakukan bagi menyelesaikan masalah bersama-sama.





Fasa IV : Membuat Orientasi Dan Mendidik Semula Ahli Kelompok Ke Arah Tindakan.

Fasa ini pula bertujuan supaya kaunselor dapat membantu ahli kelompok memilih alternatif dan melaksanakan alternatif baru yang lebih berfungsi dan bersesuaian dengan keadaan sosial ahli kelompok. Proses ini membolehkan ahli kelompok menggunakan kreativiti untuk berbincang dengan kaunselor mengenai alternatif-alternatif yang dapat dilaksanakan dari aspek kepercayaan, matlamat dan tingkah laku yang baharu..

Dalam hal ini, ahli kelompok digalakkan dan dicabar oleh kaunselor untuk membina keyakinan diri dalam mengambil risiko dan membuat perubahan dalam kehidupannya. Fenomena ini wujud tanpa sebarang paksaan, namun ahli kelompok diberi hak dan kebebasan untuk membuat keputusan dan mengubah suai matlamat serta tingkah laku sendiri yang lebih positif.

Oleh itu, secara ringkasnya dapat dikatakan Modul MPEQPA adalah berdasarkan kerjasama antara klien dan kaunselor. Proses terapeutik terbentuk hasil dari hubungan saling hormat menghormati, mengenali, penerokaan, pendedahan matlamat dan gaya hidup klien. Proses terapeutik bermatlamat untuk mendidik semula klien supaya mereka dapat hidup bermasyarakat serta saling memberi dan menerima. Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler ini merupakan intervensi yang berfokus kepada memberi maklumat, mengajar, membimbing dan memberi galakan kepada klien yang kurang galakan (discouraged). Memberi galakan merupakan cara yang





berkesan bagi menukar kepercayaan individu yang akan membantu menambahkan keyakinan diri dan ketabahan diri individu.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini penting dipersada pendidikan di Malaysia terutama kepada guru bimbingan dan kaunseling di sekolah, kaunselor pelajar dan kaunselor pentadbir di IPTA, IPTS, IPG dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

1.9.1 Guru Bimbingan di Sekolah dan kaunselor Pelajar di IPT



Melalui kajian ini guru bimbingan dapat menggunakan Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA) untuk membantu kecerdasan emosi pelajar di pelbagai peringkat. Guru bimbingan dan kaunselor pelajar boleh menggunakan instrumen IKEM-R oleh Noriah et al. (2004) untuk melihat tahap kecerdasan emosi di sekolah dan IPT. Kajian ini diharapkan dapat membantu guru bimbingan dan kaunselor pelajar yang berdepan dengan masalah kecerdasan emosi terutama bagi pelajar sekolah menengah, pelajar prauniversiti, pelajar kolej dan pelajar universiti. Mengikut Faridah (2015), pelajar yang melalui transisi juga mengalami masalah kecerdasan emosi yang lemah terutama pelajar tahun 6 ke tingkatan 1, tingkatan 3 ke tingkatan 4 serta tingkatan 5 ke prauniversiti atau kursus persediaan PISMP di IPG. Modul MPEQPA diharapkan dapat membantu guru bimbingan untuk mengesan dan mengendalikan permasalahan pelajar secara yang lebih sistematik dan praktikal.





Selain itu, kajian ini diharapkan dapat memberi panduan dan menjimatkan masa serta berfokus bagi melaksanakan sesi kaunseling kelompok.

1.9.2 Kementerian Pendidikan Malaysia

Berdasarkan fenomena bebanan tugas guru bimbingan di sekolah dan kaunselor pelajar yang semakin mencabar dengan pelbagai isu yang perlu ditangani, diharapkan kajian ini memberi manfaat kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dapat merealisasikan intervensi kaunseling kelompok. Hasil dapatan kajian yang dilaksanakan diharap dapat dijadikan kayu ukur bagi menilai pelajar yang lemah tahap kecerdasan emosinya yang memerlukan rawatan intervensi bagi membantu mengelakkan berlakunya pelbagai gejala yang tidak diingini.



Bagi pelajar IPG, kecerdasan emosi adalah penting bagi melahirkan modal insan yang berkualiti. Proses pencegahan yang sistematik terhadap pelajar IPG menyumbang kepada merealisasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan bagi melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2005).





1.9.3 Kepentingan Kepada Perkembangan Ilmu

Kajian ini amat penting terutamanya untuk mengukur kesan intervensi kaunseling kelompok berpandukan modul MPEQPA ke atas kecerdasan emosi pelajar IPG yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana. Di Malaysia sangat sedikit kajian mengenai keberkesanan intervensi kaunseling kelompok terhadap kecerdasan emosi dilaksanakan. Lebih-lebih lagi kajian ini adalah dalam bentuk eksperimen bidang kaunseling yang jarang dilakukan di Malaysia.

Pengkaji-pengkaji dalam bidang kaunseling di Malaysia lebih menumpukan kajian berbentuk lapangan. Kajian yang berbentuk eksperimen merupakan kajian yang berbentuk outcome research secara langsung boleh membawa kajian dalam bidang ini ke tahap yang lebih tinggi. Melalui kaunseling kelompok reka bentuk eksperimen, kesan kaunseling boleh diukur dan hasilnya boleh dijadikan bukti kewibawaan perkhidmatan kaunseling.

Wan Abdul Kader (1991) mengakui dan mengatakan kajian yang berbentuk eksperimen dalam bidang kaunseling khususnya intervensi kelompok memang terhad. Isu ini juga dinyatakan dan disokong oleh Abdul Malek (2004). Menurut Abdul Malek (2004), kajian yang memberi tumpuan kepada isu mengubah tingkah laku klien melalui intervensi kaunseling di sekolah-sekolah amat kurang sekali. Pengkaji-pengkaji tempatan yang menggunakan pendekatan eksperimen dalam melihat keberkesanan kaunseling kelompok antaranya adalah seperti Mohamad Nasir (2006), Sapora (2010), Chua (2011), dan Meriam (2016). Jelaslah kajian yang berbentuk





eksperimen dalam bidang bimbingan dan kaunseling khususnya intervensi kelompok yang berpandukan modul sememangnya terhad.

1.10 Batasan Kajian

Bagi tujuan kajian eksperimen, terdapat beberapa batasan kajian untuk membantu memudahkan pelaksanaan kajian. Had kajian yang dikenakan seperti berikut:

1. Keputusan kajian ini bergantung kepada kejujuran sampel kajian yang menjawab instrumen soal selidik.
2. Sampel yang dipilih untuk eksperimen juga bergantung kepada kerelaan dan kesanggupan mereka untuk mengikuti sesi rawatan menggunakan pendekatan kaunseling kelompok.
3. Sampel terdiri daripada pelajar IPGKKB sahaja yang dirujuk oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Unit Psikologi dan Kaunseling IPGKKB yang menghadapi masalah dalam kecerdasan emosi. Sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah dalam kalangan pelajar yang pernah dirujuk melakukan salah laku dalam kategori sederhana dan ringan sahaja. Pemilihan ini dibuat kerana kebanyakan laporan disiplin pelajar adalah dalam lingkungan kategori berkenaan sahaja.

Kajian ini berbentuk eksperimen kuasi. Kajian ini dihadkan kepada pelajar IPG yang dipilih yang menghadapi masalah dalam kecerdasan emosi iaitu dengan memberi fokus untuk melihat kesan intervensi MPEQPA terhadap elemen-elemen





kecerdasan emosi (Noriah et al. 2004) iaitu kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi, kemahiran sosial, empati, kerohanian dan kematangan.

Masa rawatan adalah sebanyak sepuluh sesi mengambil masa selama sepuluh minggu bagi kelompok rawatan. Kelompok kawalan tidak diberikan rawatan tetapi diadakan perjumpaan kali pertama pada minggu pertama semasa pra ujian dan kali terakhir pada minggu kesepuluh bagi menjalan pasca ujian. Pemilihan sampel adalah berdasarkan Instrumen Kecerdasan Emosi Malaysia – Remaja (IKEM – R) yang diberikan semua sampel kajian.

1.11 Definisi Konsep dan Operasional



Kajian ini bertajuk ‘Kesan Intervensi Kaunseling Kelompok Berdasarkan Pendekatan Adler ke atas Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar IPG’. Definisi istilah dalam kajian ini dijelaskan secara operasional sebagaimana berikut:

1.11.1 Kesan Intervensi

Kesan bermaksud pengaruh yang ada pada pemikiran, sikap, watak dan sebagainya yang berkaitan yang timbul akibat daripada menyaksikan sesuatu (Meriam,2016). Dalam kajian ini kesan merupakan perubahan yang berlaku kepada pelajar IPG yang melalui intervensi kaunseling kelompok menggunakan pendekatan Adler dan MPEQPA yang difokuskan kepada kecerdasan emosi pelajar PISMP IPG. Bagi





menentukan keberkesanan intervensi, instrumen digunakan untuk melihat dapatan hasil yang dilaksanakan melalui pra ujian dan pasca ujian.

Intervensi mengikut Corey (2005) adalah bertujuan untuk pencegahan dan pengubatan. Gibson dan Mitchell (1989) melihat intervensi sebagai suatu proses dalam membantu klien menyesuaikan diri mereka dengan keadaan seharian di samping menyediakan perkembangan diri klien dalam kumpulan mereka.

Dalam kajian ini , intervensi dilihat sebagai rawatan bagi membantu klien yang terdiri daripada pelajar IPG yang lemah kecerdasan emosi dapat meningkatkan dan menambah baik lagi kecerdasan emosi mereka. Intervensi yang dijalankan merupakan intervensi kaunseling kelompok yang terdiri daripada 30 orang pelajar IPG. Hasil dapatan Mohd Noor et. al., (2015), intervensi diklasifikasikan kepada tiga bentuk iaitu intervensi kelompok besar, kelompok dan juga individu. Kelompok besar terdiri daripada keahlian yang melebihi lima belas orang. Kelompok merupakan jumlah sampel yang melebihi dua orang sehingga lima belas orang. Dalam kajian ini kelompok besar telah dilaksanakan dan dipilih kerana dikenal pasti lebih daripada 15 orang mempunyai masalah kecerdasan emosi yang rendah berbanding dengan pelajar-pelajar IPG yang lain.

1.11.2 Kaunseling Kelompok

Gazda M. (1971) memberikan pengertian tentang kaunseling kelompok dalam bukunya *Group Counseling : A Developmental Approach* yang didefinisikan seperti





berikut :Kaunseling kelompok merupakan suatu proses interpersonal yang dinamis yang berasaskan kepada fikiran dan kelakuan secara sedar. Nilai terapinya terletak pada suasana perasaan saling percaya mempercayai, penerimaan, faham memahami dan sokongan berpandukan kebenaran. Faedah terapi akan dinikmati dalam satu kumpulan kecil yang ahlinya secara sukarela berkongsi masalah peribadi dengan kaunselor dan ahli-ahli lain. Ahli kelompok mestilah terdiri daripada ahli-ahli yang normal dan tidak memerlukan perubahan personaliti yang mendesak. Selain itu, ahli juga dapat berinteraksi dengan individu lain dalam kumpulan itu untuk menambah rasa kefahaman dan juga penerimaan nilai serta matlamat hidup sendiri di samping menerima atau membuang sikap dan kelakuan yang tidak diingini.

Dalam kajian ini, kaunseling kelompok yang dimaksudkan adalah satu kelompok individu yang berinteraksi secara bersemuka di mana setiap ahli kelompok perlu sedar akan kehadiran dirinya dalam kelompok. Proses interaksi kelompok ini dibantu oleh seorang kaunselor yang terlatih. Hasil atau matlamat kelompok adalah untuk membantu dan membawa ahli kelompok agar memahami diri dan seterusnya berusaha untuk membantu ke arah kesempurnaan diri dari segi kecerdasan emosi dengan bantuan daripada rakan-rakan dalam kelompok tersebut.

1.11.3 Kelompok Rawatan

Mengikut Kamus Dewan (2007) rawatan bermaksud penyelenggaraan, pemeliharaan, pembelaan dan penjagaan yang intensif dan berterusan terhadap seseorang pesakit.





Dalam kajian ini, kumpulan kelompok rawatan adalah seramai 30 sampel iaitu kelompok rawatan yang menggunakan intervensi MPEQPA.

1.11.4 Kelompok Kawalan

Kelompok kawalan dalam kajian ini melibatkan 30 sampel. Kelompok kawalan tidak menjalani intervensi MPEQPA. Kelompok ini juga tidak dibenarkan berbincang dengan sampel kajian kelompok rawatan. Keadaan ini bermula dengan kutipan data pra ujian sehingga pengumpulan data pasca ujian sehingga kajian daripada kelompok rawatan selesai. Setelah selesai intervensi dan pengumpulan data terhadap kelompok rawatan, pengkaji dan kaunselor IPG bersetuju untuk melaksanakan sesi intervensi



MPEQPA kepada sampel kelompok kawalan atas persetujuan mereka.

1.11.5 Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler

Sonstegard (2004) menyatakan kaunseling kelompok Adler dijalankan secara berstruktur kerana dengan adanya struktur tersebut dapat memberi panduan kepada kaunselor. Dalam konteks kajian ini, maksud kaunseling kelompok yang diutarakan oleh pengkaji ialah di mana sekumpulan guru pelatih yang berinteraksi sesama mereka dan diketuai oleh seorang kaunselor yang bertujuan untuk memimpin ahli-ahli kelompok dengan menggunakan modul intervensi MPEQPA.





Kaunseling Kelompok Berstruktur Adler dalam kajian ini merujuk kepada proses intervensi bagi melahirkan pelajar IPG yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dengan berpandukan modul MPEQPA. Kaunseling kelompok dilaksanakan dengan menggunakan modul ini bagi melaksanakan sesi secara berstruktur iaitu mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan yang menjadi panduan kepada kaunselor. Modul dibina berasaskan matlamat, prosedur, teknik dan proses Model Kaunseling Kelompok Pendekatan Adler bertujuan untuk mencapai beberapa matlamat dalam Teori Psikologi Individu iaitu mempunyai matlamat hidup yang jelas, membetulkan persepsi yang silap, tumpuan kepada isu-isu konstelasi keluarga, menangani persepsi diri yang negatif dan penyesuaian sosial. Oleh itu, guru pelatih dapat membina matlamat baru dari segi kecerdasan emosi yang lebih realistik dan berguna.



1.11.6 Kecerdasan Emosi

Himpunan kemampuan mental yang membantu kita mengenal pasti dan memahami perasaan kita dan perasaan orang lain. Ada dua bahagian dalam kecerdasan emosi. Pertama, melibatkan emosi pemahaman intelek. Kedua, emosi yang menjangkau ke dalam sistem intelektual dan menyebabkan terhasilnya pemikiran idea kreatif. Bahagian ini sukar ditentukan di dalam makmal tetapi dipercayai wujud. Goleman (1995), melihat kecerdasan emosi mengandungi lima komponen iaitu mengetahui emosi sendiri, mengurus emosi, memotivasi diri sendiri, empati dan mengendalikan perhubungan. Kecerdasan emosi dalam kajian ini diukur dengan soal selidik. Soal





selidik kecerdasan emosi pelajar mengandungi domain kesedaran sendiri, regulasi sendiri, motivasi, empati, kemahiran sosial, kerohanian dan kematangan.

The Oxford Dictionary (2011) menyatakan emosi sebagai perasaan yang kuat dari dalaman terutamanya daripada aspek mental atau naluri, seperti kasih sayang atau pun takut. Justeru itu, bolehlah disimpulkan emosi sebagai salah satu daripada ciri-ciri jiwa manusia yang boleh mempamerkan perasaan yang kuat berpunca daripada psikologi atau mental seseorang dan emosi boleh berlaku secara naluri bergantung kepada sesuatu situasi.

Dalam kajian ini kecerdasan emosi bermaksud kecerdasan emosi dalam konteks peningkatan prestasi pelajar IPG. Kecerdasan emosi ini menjadi satu keperluan kompetensi yang perlu bagi semua bakal guru. Ini akan membuka peluang yang luas bagi meningkatkan prestasi mereka dalam bidang perguruan bagi meletakkan diri sebagai guru yang sebenarnya guru. Kecerdasan emosi guru pelatih perlu dibangunkan bagi mencapai kejayaan dalam kerjaya guru. Ini dikaitkan dengan sikap kelaziman mental seperti kesedaran untuk memahami perasaan sendiri dan orang lain, empati, kasih sayang, motivasi dan kemampuan untuk memberi tindak balas sewajarnya dalam situasi-situasi tertentu. Kecerdasan emosi bagi bakal guru sangat penting kerana guru dikatakan sebagai ejen perubahan.





1.11.7 Pelajar IPG KKB

Pelajar IPG KKB adalah merupakan pelajar yang sedang mengikuti kursus atau latihan perguruan untuk sekolah rendah selama 4 tahun. Pelajar IPG KKB ini sedang mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) semester 2, 3 dan 5. Pelajar IPG ini berumur dalam lingkungan 19 hingga 21 tahun yang masih berada dalam lingkungan tahap umur remaja. Pelajar IPG yang menyertai intervensi ini merupakan pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi yang rendah dan mempunyai rekod di Jabatan Hal Ehwal Pelajar IPG KKB dan Unit Psikologi dan Kaunseling di IPG KKB.



1.11.8 Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kesahan merupakan salah satu aspek yang sangat penting dalam sesuatu kajian yang dijalankan. Kesahan perlu dibuktikan melalui isi kandungan kajian yang dapat di kenal pasti ketepatan maklumat dan dari sumber yang sahih. Terdapat dua pengesahan iaitu adakah alat uku mengukur apa yang hendak diukur dan adakah alat ukur itu dapat digunakan dalam membuat keputusan yang tepat (Murphy & David ,1998; Sidek 2005). Kemudian, Sidek (2005) pula menyatakan bahawa kesahan adalah merujuk kepada sama ada sesuatu alat ukuran yang dibina itu dapat mengumpul maklumat berkaitan dengan bidang yang ditetapkan.

Kebolehpercayaan adalah apabila alat ukuran itu tekal dalam mengukur sesuatu pemboleh ubah atau gagasan (Mohd Majid 1990). Kebolehpercayaan juga



dilihat sebagai ketekalan sesuatu alat ukuran dalam melahirkan skor yang setara menerusi penggunaan alat ukuran tersebut secara berulang kali dan ke atas pelbagai subjek (Syaharom 1990). Menurut Anastasi (1979), Indeks kebolehpercayaan merupakan sesuatu alat ukuran atau suatu pekali yang menunjukkan konsistensi dan indeks ini akan ditentukan dengan menggunakan kaedah korelasi. Kaedah ini menggabungkan dua set skor yang diperoleh daripada hasil gerak balas subjek terhadap item-item dalam pengukuran.

Dalam kajian ini, kebolehpercayaan sangat penting bagi mengekalkan tahap kualiti setiap kajian dan memberi perspektif yang positif dalam tempoh yang lama. Secara kesimpulannya, kebolehpercayaan adalah satu prosedur yang sistematik dan sesuatu kajian itu perlu melaluinya supaya alat ukuran tersebut mempunyai nilai yang konsisten walaupun pada waktu yang berbeza.

Dalam kajian ini, operasi kesahan dibuat berdasarkan kesahan kandungan menerusi pandangan panel pakar penilai terhadap Modul Peningkatan EQ Pendekatan Adler (MPEQPA). Panel pakar ini terdiri daripada pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan universiti luar.

1.12 Rumusan

Kecerdasan emosi merupakan salah satu anugerah besar dari Allah SWT kepada manusia dan menjadikannya sebagai salah satu kelebihan manusia dibandingkan dengan makhluk lainnya. Dengan kecerdasannya, manusia dapat mempertahankan



dan meningkatkan kualiti hidupnya yang semakin kompleks, melalui proses berfikir dan belajar secara terus menerus.

Teori Adler merupakan satu alternatif yang boleh diguna pakai dalam kaunseling. Teori ini bersesuaian bagi kaunselor untuk memupuk unsur kecerdasan emosi terhadap kliennya. Kaunseling kelompok berstruktur Adler bertujuan mengenal pasti logik peribadi yang mendasari matlamat fiksyen remaja berisiko, menjelaskan cara gaya hidup yang keliru dan motivasi yang salah serta menjelaskan kesan pemilihan cara gaya hidup yang salah dalam kalangan remaja berisiko. Dengan memahami cara gaya hidup yang salah serta menyedari akan maksud tingkah lakunya maka remaja tersebut berpeluang untuk mengubah tingkah lakunya serta membina matlamat baru yang lebih realistik dan berguna.



Secara umumnya, bab ini menghuraikan kesan intervensi kaunseling kelompok berstruktur Adler terhadap kecerdasan emosi pelajar IPG. Permasalahan kecerdasan emosi pelajar ini walau pun dalam peratusan kecil perlu dan boleh ditangani segera melalui pendekatan kaunseling kelompok Pendekatan Adler dan modul yang dibina iaitu MPEQPA.

